

15 MAR 1996

Mohtar-Kehakiman '''

PEGUAM NEGARA ARAH SIASATAN KES SURAT LAYANG KEPADA HAKIM

KUCHING, 15 Mac (Bernama) -- Peguam Negara Datuk Mohtar Abdullah mengarahkan supaya siasatan terperinci yang menggunakan teknologi terkini dibuat untuk mengesan penulis-penulis surat layang yang "mencemuh, menganiaya dan menghina" hakim-hakim.

Beliau berkata polis telah menerima banyak aduan mengenai pengedaran surat layang yang berniat jahat dan lucah itu kepada hakim, golongan peguam dan orang ramai.

" Tindakan untuk mencemuh, menganiaya dan menghina badan Kehakiman ini sebenarnya satu bentuk fitnah dan hasutan yang mempunyai niat untuk melemahkan kestabilan negara dengan mengalihkan keyakinan orang ramai terhadap badan kehakiman," kata Mohtar dalam satu kenyataan akhbar yang dibacakannya semasa berucap pada Persidangan Majlis Hakim-hakim malaysia di sini.

Persidangan dua hari itu, yang dihadiri oleh 75 orang hakim Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Agung dan Mahkamah Tinggi, dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Satu penyiasatan yang terperinci dan menyeluruh akan diadakan bagi memastikan keadilan dilaksanakan dan kewibawaan badan Kehakiman dipelihara," kata Mohtar.

Kemudian, dalam ucapannya pada persidangan itu, Mohtar berkata beliau percaya yang surat layang itu ditulis oleh kalangan golongan pengamal undang-undang termasuk pegawai-pegawai kehakiman dan malahan hakim-hakim sendiri.

" Oleh itu, penyiasatan itu perlu ditumpu terus kepada kumpulan ini. Semasa saya berdiri di hadapan anda sekarang, polis sudahpun memulakan penyiasatan mereka. Penyiasatan yang terperinci dan menyeluruh akan diadakan untuk menghasilkan kebenaran bagi melindungi maruah dan kewibawaan institusi yang paling dihormati ini, yang kita semua berkhidmat kepadanya," katanya.

Mohtar berkata polis dalam proses menyoal siasat para saksi yang termasuk peguam-peguam dan setiausaha-setiausaha hakim-hakim serta para pegawai dan kakitangan mereka.

"Sesetengah daripada anda mungkin akan disoal siasat bagi membantu polis dalam penyiasatan mereka. Oleh itu, saya menyarankan supaya anda semua menyokong dan membantu penyiasatan ini sepenuh hati dan tanpa pengecualian," katanya kepada semua hakim.

Sambil berkata beliau memerlukan kerjasama, kerelaan dan kesabaran para hakim, Mohtar memberi jaminan kepada mereka bahawa tindakan itu bukan bertujuan untuk menakut-nakutkan badan Kehakiman atau mencampuri kebebasannya.

"Kita tidak akan menyalahgunakan kuasa penyiasatan. Kita perlu menjalankan penyiasatan terperinci untuk mendapatkan kebenaran. Penyiasatan ini bertujuan mencari elemen-elemen berbisa yang cuba mencemarkan badan Kehakiman dan meruntuhkan keadilan dalam negara kita yang tercinta ini," katanya.

Beliau berjanji untuk membersihkan badan Kehakiman dan profesion perundangan daripada elemen-elemen "khianat" yang membuat dakwaan keji, tersembunyi dan berbahaya, licik dan kasar mereka dalam surat-surat layang itu bertujuan mencemarkan kewibawaan badan Kehakiman dan pentadbiran keadilan di negara ini.

Mohtar juga menggesa hakim-hakim yang menghadiri persidangan itu supaya

sebulat suara mengutuk surat layang itu dan penulis-penulisnya dan menyokong sepenuhnya penyiasatan yang dijalankan itu.

Beliau yakin bahawa mereka yang bertanggungjawab, tidak kira siapa mereka, akan dihadapkan ke muka pengadilan. -- Bernama.

AU NAK AHH